

03/10/1998

Ada negara cuba gagalkan sidang Apec di KL

Jami'ah Shukri

PIHAK tertentu tidak seharusnya melobi sokongan negara anggota Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) untuk menggagalkan kemutlakan Malaysia sebagai negara tuan rumah mesyuarat Apec, bulan depan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata pihak berkenaan tidak perlu menggunakan mesyuarat itu sebagai wadah untuk memenuhi agenda politik mereka.

Menurutnya, isu pemecatan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah masalah dalaman Malaysia dan tidak wajar ia dicampur aduk dengan mesyuarat Apec.

"Kita kesal apabila ada cubaan pihak tertentu termasuk daripada seorang menteri muda dari Kanada yang meminta ahli Apec memikirkan semula mengenai Malaysia sebagai tuan rumah Apec berikutan pemecatan Anwar.

"Kita melihat Apec diuji pihak tertentu untuk memenuhi agenda politik mereka. Apec tiada kena mengena dengan politik dan ia adalah isu mengenai kerjasama ekonomi serantau," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Persatuan Keluarga Kemas cawangan Perak, di Kuala Kangsar, semalam.

Rafidah berkata, perbuatan melobi seumpama itu dianggap serius oleh Malaysia kerana pandangan itu dianggap bersifat peribadi oleh menteri muda itu dan bukannya suara Kerajaan Kanada.

Oleh itu, pihaknya mahu Kanada menjelaskan pendiran mereka dan tidak mempolitikkan Apec untuk kepentingan sendiri sehingga menjejaskan mesyuarat itu.

"Malah, kenyataan yang dikeluarkan itu mungkin boleh mengelirukan apabila ada individu ingin bercakap bagi pihak negara masing-masing manakala kerajaan mereka pula menafikannya," katanya.

Selain itu, Rafidah berkata, pihaknya turut kesal apabila Australia juga sudah mula bercakap untuk mengalihkan lokasi mesyuarat Apec ke negaranya.

Menurutnya, Malaysia sudah menerima penghormatan sebulat suara untuk menjadi tuan rumah bagi mesyuarat itu dan tidak seharusnya ia digembargemburkan dengan isu dalaman Malaysia.

Kini, Malaysia sudah berada pada peringkat akhir untuk menjalankan mesyuarat itu dengan sebaik mungkin termasuk persediaan rapi untuk membincangkan agenda Apec dengan serius.

Beliau berkata, ahli Apec lain juga tidak pernah mempertikaikan mengenai mesyuarat Apec di Vancouver, tahun lalu walaupun ketika itu negara terbabit dilanda rusuhan.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai kemungkinan mesyuarat Apec akan turut mengutarakan isu pemecatan Anwar, Rafidah berkata, pihaknya bersedia menerangkannya.

"Jika ada pihak lain meminta saya terangkan mengenai isu Awnar, saya akan terangkan. Saya juga yakin Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai pengerusi Sidang Puncak Ketua-ketua Negara Apec akan menerangkan jika diminta berbuat demikian.

"Bagaimanapun, saya tidak mahu menggunakan mesyuarat Apec itu sebagai majlis penerangan yang tiada kaitan dengan agenda Apec," katanya.

(END)